



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

02 FEBRUARI 2021

1. Khidmat dandan kucing percuma

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Pengurus kilang sanggup sediakan peruntukan sehingga RM1,000 sebulan

Khidmat dandan kucing percuma

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI - Minat mendalam terhadap kucing mendorong seorang pengurus kilang menyediakan perkhidmatan dandan untuk haiwan itu di rumahnya di Tasek Gelugor yang sini sejak lebih setahun lalu.

Anas Mursyidi Abu Mansor, 33, yang juga penuntut jurusan Sarjana Sains Pentadbiran di Universiti Sains Malaysia (USM) secara separuh masa berlaku, buat masa ini, dia tidak mengecualikan sebarang bayaran terhadap perkhidmatannya itu.

Bagaimanapun, dia tidak menolak sebarang pemberian ikhlak daripada pelanggan untuk tujuan berkenaan.

"Saya hanya mengehadkan 16 ekor kucing pada setiap hujung minggu memandangkan perkhidmatan ini dilakukan secara sam-bilan sahaja."

"Dana atau pemberian ikhlak

yang diterima itu pula biasanya akan disalurkan ke tabung kucing jalanan atau diserahkan kepada rakan saya yang sedang mengusahakan rumah pelindungan kucing di Selangor," katanya kepada Kosmo! semalam.

Anas Mursyidi juga bertuah kerana dipertemukan jodoh dengan seorang pemintar kucing iaitu Khaliza Che Khalid, 29.

Isterinya kini sedang dalam persediaan untuk menyambung pengajiannya di peringkat doktor falsafah (PhD) dalam bidang forensik.

Ketika ini, pasangan yang dikurniakan seorang cahaya mata itu memperuntukkan sehingga RM1,000 sebulan untuk menyediakan perkhidmatan dandan kucing itu termasuk kos makanan, perubatan dan sebagainya.

Selain khidmat dandan kucing percuma, Anas Mursyidi turut menawarkan khidmat mengambil dan mengantar kucing di sekitar

Kepala Batas dan Tasek Gelugor untuk pemiliknya yang tiada pengangkutan atau kesibukan kerja.

"Sehingga kini lebih 200 ekor kucing telah menerima perkhidmatan berkenaan termasuk pelanggannya yang datang dari Kulim, Sungai Petani dan Baling di Kedah," ujarnya.

Anas Mursyidi yang berpengalaman melakukan kerja-kerja dandan kucing sejak berusia 15 tahun memberitahu, dia dan isterinya akan terus menjalankan perkhidmatan tersebut selagi termampu walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan,

"Saya tidak pernah mengharapkan balasan atau berniat untuk mencari sebarang keuntungan daripada kerja-kerja yang saya lakukan ini."

"Bagi saya, kepuasan itu lebih penting terutamanya apabila melihat hasil kerja kita dihargai oleh orang lain terutamanya pemintar kucing," ujarnya.



ANAS MURSYIDI dan keluarganya bersama kucing peliharaannya di rumah mereka di Tasek Gelugor, Seberang Perai semalam.